

18 MAR 1998

Mahathir-Gates

BILL GATES TAWAR PELABURAN MAKSIMUM DI MSC, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 18 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Pengerusi dan Ketua Eksekutif Microsoft Bill Gates telah memberi jaminan tentang komitmennya kepada Koridor Raya Multimedia (MSC) dan akan menawarkan "pelaburan maksimum" dalam projek itu.

Dr Mahathir berkata Gates juga sangat berminat untuk menyertai program-program pendidikan negara terutama sekolah dan universiti bestari dan latihan tenaga kerja dalam bidang Teknologi Maklumat (IT).

Ketika bercakap kepada pemberita selepas pertemuan selama 40 minit dengan Gates di pejabatnya, Perdana Menteri berkata Gates akan memberi "sokongan maksimum" kepada program pendidikan itu.

Ketika ditanya mengenai jumlah wang yang diberikan Gates untuk program-program itu, Dr Mahathir berkata: "Beliau telah memberi sedikit wang."

Dr Mahathir berkata Gates akan mengumumkan perkara itu kemudian.

Gates sebelum itu telah menemui Kabinet Malaysia di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan memberi taklimat mengenai konsep kerajaan elektronik.

Orang terkaya di dunia mengikut senarai Forbes bagi 1996 and 1997 hasil empayar perisian komputernya itu, telah bercakap mengenai sistem digital dalam kerajaan.

Dr Mahathir berkata Gates juga memberikan penjelasan terperinci kepada beliau dan kabinet mengenai Persekitaran Pejabat Generik (GOE), satu daripada aplikasi dalam konsep kerajaan elektronik yang dicadangkan Microsoft.

Projek kerajaan elektronik merupakan satu daripada tujuh aplikasi teras MSC yang akan dilaksanakan di Putrajaya, pusat pentadbiran baru persekutuan di luar Kuala Lumpur, yang bertujuan meningkatkan prestasi perkhidmatan awam melalui penggunaan teknologi berasaskan maklumat dan multimedia.

"Beliau (Gates) bersedia untuk bekerjasama, beliau akan memberikan pelaburan maksimum di sini bagi GOE serta komitmennya terhadap MSC," kata Perdana Menteri.

Ditanya oleh pemberita sama ada ini bermakna Gates akan lebih kerap datang ke Malaysia, Dr Mahathir berkata: "sudah tentu jika GOE akan dilaksanakan Microsoft, beliau akan kerap berada di sini."

Dr Mahathir berkata dalam melaksanakan aplikasi teras kerajaan elektronik, kerajaan perlu membuat penilaian yang amat teliti.

"Kita tidak mahu mengakibatkan orang kehilangan kerja dengan membuat keputusan yang mungkin menyebabkan tidak ramai yang boleh menyertainya.

"Jadi kita telah meminta beliau memberikan penerangan yang lebih jelas mengenai apa yang boleh dilakukan. Disebabkan ini sesuatu yang baru. Teknologi berubah dengan pesatnya, jadi kalau kita tidak jaga, kita mungkin tiba-tiba mendapati diri kita tidak berupaya untuk maju," katanya.

Perdana Menteri berkata Gates juga telah bertanyakan sama ada krisis ekonomi negara kini akan menjejaskan projek MSC.

"Kita menjelaskan kepada beliau bahawa kita telah memberikan keutamaan kepada MSC. Oleh itu ia tidak akan terjejas langsung," katanya.

MSC, satu kawasan seluas 50 km kali 15km di selatan Kuala Lumpur, dari Kuala Lumpur City Centre ke Lapangan terbang Antarabangsa KL di Sepang, diperuntukkan sebagai nadi pembangunan produk dan perkhidmatan multimedia.

Gates, anggota Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) MSC, yang dalam rangka lawatan sehari ke sini, turut berucap kepada kira-kira 3,000 peserta

persidangan mengenai "Masyarakat Berjaringan" di Pusat Dagangan Dunia Putra  
(PWTC). -- BERNAMA  
RAZ/RA RON